

03 AUG 1996

RAKYAT DIMINTA SESUAIKAN DIRI DALAM TEKNOLOGI BAGI KEJAYAAN MSC

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu mengubah corak pemikiran dan menyesuaikan diri dengan pembangunan teknologi masa depan dalam menentukan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang merupakan projek negara.

Dr Louis Cheung, penasihat bagi McKinsey & Co dari Hong Kong berkata mereka yang akan bekerja dalam persekitaran yang banyak menggunakan multimedia memerlukan pengetahuan mendalam menggunakan kemudahan yang canggih.

"Mereka yang terlibat perlu banyak latihan dan program bagi menggalakkan penyesuaian dalam bidang teknologi," katanya pada satu perbincangan panel mengenai peluang dalam bidang teknologi di MSC di sini.

Perbincangan itu merupakan sebahagian daripada program Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 1996 yang berlangsung selama empat hari. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lepas.

MSC merangkumi kawasan seluas 15km x 50km, meliputi Kuala Lumpur City Centre, pusat bandar pentadbiran yang baru di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

Ahli panel lain, Prof Madya Zamri Mohamed dari Universiti Teknologi Malaysia berkata sebuah institusi pengajian kerajaan bersama industri perlu dibangunkan untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam multimedia.

Beliau berkata Malaysia perlu menggalakkan kreativiti sendiri dalam kandungan dan penggunaan teknologi multimedia. -- BERNAMA

MAM WE MAI